

# KISAH KERANA DENDAM

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**  
nisa.sulaiman@utusan.com.my

**“B**ERMULA dengan dendam semasa di Tingkatan Satu kerana pelajaran merosot, saya memang berendam untuk menunjukkan kepada semua orang saya akan berjaya,” kata Presiden, Smart Grid City- International Business di Masers Energy Malaysia Sdn. Bhd., Datuk Seri Suhaimi Abdul Rahman.

Walaupun bukan lahir dalam dulang emas tetapi sikapnya yang tidak mudah mengalah dengan cabaran menyebabkan dalam usia belum capai 40 tahun beliau membuktikan kemampuan bersaing dalam industri tenaga boleh diperbaharui di peringkat global. Kini Suhaimi bukan saja mempunyai pejabat di Malaysia tetapi di United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Singapura dan Indonesia.

Dilahirkan pada tahun 1975 di Seremban, Negeri Sembilan walaupun kedua-dua ibu bapanya kelahiran Johor - bapa dari Batu Pahat dan ibu dari Muar. Bapanya guru Bahasa Inggeris tetapi berhenti mengajar dengan alasan terlalu garang lantas menceburkan diri dalam bidang pembuatan dan pengeluaran di sebuah kilang Jepun di Seremban. Malah semasa di sana, bapa beliau bergiat cergas dalam persatuan sekerja dan menjadi presiden selama tujuh tahun. Mengikut bapanya yang bekerja di Seremban, beliau bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan King George V dan ketika berusia lapan tahun, Suhaimi sudah boleh melukis *Transformers* seperti remaja berusia 20-an.

“Ketika itu saya sering membayangkan apa akan berlaku 20 tahun akan datang. Langit tidak selalu cerah apabila mereka sekeluarga hilang tempat bergantung apabila bapanya meninggal dunia pada usia 40 tahun selepas empat tahun menderita sakit,” katanya semasa ditemui di pejabatnya di Subang Jaya, Selangor.

“Ketika itu hidup kami sekeluarga menjadi tidak tentu arah. Saya yang sedang belajar di Tingkatan Satu terpaksa berpindah balik ke kampung ibu di Muar, Johor. Saya bertukar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Sri Amar Diraja, Muar pada pertengahan tahun. Ketika itu hidup kami agak susah kerana ibu tidak bekerja kerana tidak berpelajaran tinggi dan bergantung hanya kepada pencen arwah ayah yang tidak seberapa,” katanya.

Pelajaran Suhaimi mula merosot mungkin kerana pelbagai kejutan, kematian bapa, pertukaran sekolah serta kawan baru. Semasa peperiksaan beliau mendapat nombor lebih daripada 10.



**HASIL** usaha keras, kini Suhaimi berjaya meletakkan beliau antara pemain utama dalam industri tenaga boleh diperbaharui di peringkat global.

## INFO Datuk Seri Suhaimi Abdul Rahman

- Pengiktirafan dan Anugerah
- Geneva Award 2014, Gold Class International Star Quality- Business Initiative Directions, Europe
  - Darjah Dato’ Seri
  - MSC APICTA Awards Best RND 2004-2006
  - MSC APICTA Awards Best R&D 2006 : 224 Mbps Broadband Powerline
  - Asia Pacific ICT Awards (APICTA) 2006
  - ASEAN Communication Media Awards 2007
  - Presiden, Alumni Samura (Sek Men Sains Muar).



Ini menyebabkan beliau dimarah oleh cikgu, dan saudara mara mula memandang rendah terhadapnya kerana mereka tergolong dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan.

“Ketika itu hati saya penuh dengan dendam. Sejak itu saya berazam belajar bersungguh-sungguh untuk menebus segala hinaan yang dilontarkan. Saya mula membaca dan mengkaji Matematik. Saya banyak membaca dan menabung untuk membeli buku. Apabila tidak ada duit untuk beli buku saya minta kedai buku membuat salinan,” katanya.

Beliau banyak menghabiskan masa belajar Matematik kerana ia boleh membuat otak jadi lebih

berfungsi. Suhaimi mengkaji karakter sesuatu nombor sehingga setiap kali peperiksaan beliau mendapat nombor pertama dan markah penuh dalam Matematik.

“Saya jaga makan supaya lebih senang menghafal sama seperti mereka yang menghafaz al-Quran. Malah saya tidak mendengar lagu supaya saya dapat membina pembangunan otak. Keluarga ibu dan ayah ramai cerdik pandai menyebabkan saya berendam dan merasa perlu menjadi lebih cerdik dan pandai daripada mereka,” katanya lagi.

## Kecemerlangan

Di sini bermula kecemerlangan Suhaimi, beliau bukan saja cemerlang di sekolah kebangsaan tetapi juga di sekolah agama sehingga dinobatkan sebagai pelajar terbaik Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Beliau mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Muar dan Sekolah Sains Muar tetapi Suhaimi bercita-cita ke MRSM Taiping sebab sekolah berkenaan mendapat tempat terbaik setiap kali peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Disebabkan masalah kewangan saya menolak tawaran MRSM Muar dan masuk Sekolah Sains Muar dengan bantuan kewangan saudara mara. Di sana saya terus membina kecemerlangan. Saya ‘pegang’ mata pelajaran Matematik menjadikan saya tidak sukar untuk cemerlang dalam kimia dan fizik,” katanya yang menjadi mentor kepada pelajar lain ketika itu.

“Selepas SPM saya melanjutkan pelajaran ke University of Manchester Institute of Science and Technology (UMIST) United Kingdom dalam bidang kejuruteraan elektronik. Saya pilih elektronik kerana bagi saya elektronik boleh membina banyak benda,” katanya yang ketika itu bercita-cita menjadi usahawan tekno seperti Bill Gates.

Alasan Suhaimi memilih UMIST kerana selain MIT di AS, UMIST adalah universiti teknologi terbaik dan berprestij di Eropah. Beliau yang kembali ke tanah air semasa zaman gawat tahun 1998 bekerja dengan sebuah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang membuat lampu jalan.

“Ketika itu saya terfikir mengapa lampu jalan tidak boleh ‘berkomunikasi’ antara satu sama lain dan masa itu timbul idea *smart grid* yang memang tidak ada kenamengena dengan kerja. Semasa itu tiada istilah *smart grid*. Saya telah mula mengkaji tentang komunikasi melalui kabel,” katanya tentang timbulnya minat dalam inovasi dan bisnes.

“Semasa bekerja di pelbagai syarikat multinasional selama lima tahun, Suhaimi belajar berkomunikasi, berunding dan menulis sebelum berurusan menjalankan perniagaan sendiri. Selama lima tahun saya mencari pelabur, ketika itu banyak cabaran tetapi ramai yang ingin ambil kesempatan dan menipu. Permohonan pinjaman bank tidak dilayan sebab belum mempunyai apa-apa projek,” katanya.

Pada tahun 2003, rezeki Suhaimi bersinar selepas membentangkan projek Venture Capital dan mendapat peruntukan RM 3 juta. Beliau membuka syarikat sendiri pada Julai 2003 dan mengajak kawan-kawan dalam pelbagai bidang masuk ke syarikatnya.

“Kami menguruskan projek *powerline* bagi tahun pertama. Ketika itu baru saya tahu beberapa syarikat di AS membuat benda yang sama dan kami mendapat kelulusan beberapa projek di UK. Berikutan tiada makmal saya terpaksa menjalankan semua projek di makmal UPM dengan membayar sedikit sewa bulanan sebagai balasan,” katanya yang membuat R&D selepas waktu kerja.

Seterusnya beliau membuka pusat R&D di Singapura kerana teknologi terkini biasanya tiba di Singapura dan kami mahu mendapatkan komponen terbaik.

Namun bermula tahun 2004, Suhaimi telah mendapat pelbagai anugerah dan terkini Geneva Award 2014, Gold Class International Star Quality- Business Initiative Directions, Europe. Kini Suhaimi dalam usaha membangunkan bandar tanpa karbon kerana pelepasan karbon daripada bahan api dan pengangkutan yang banyak menyebabkan pemanasan global.

“Ini akan menyebabkan perubahan iklim seperti taufan, hujan lebat, ribut serta banjir. Banyak negara di dunia telah menuju ke arah karbon sifar menjelang 2030. *Smart Grid* akan menjadikan pengagihan tenaga lebih efisien dengan kos yang lebih murah,” katanya.